



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 MAC 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 MAC 2021 (ISNIN)

Hanya 25 peratus syarikat bas mohon struktur semula

Pengusaha perlu manfaat tawaran moratorium, inisiatif kurang beban kewangan

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Hanya kira-kira 25 peratus daripada lebih 1,000 syarikat bas membuat permohonan penstrukturkan semula dengan institusi perbankan dan syarikat kredit untuk mengurangkan beban ansuran sewa beli kenderaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata 74.77 peratus lagi tidak membuat permohonan penstrukturkan semula bayaran ansuran bulanan bas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutnya pandemik COVID-19 itu.

Sehubungan itu, beliau meminta pengusaha bas meningkatkan kerjasama untuk menikmati bantuan dan kemudahan diusahakan kerajaan dengan merujuk serta berbincang ber-

sama institusi kewangan atau syarikat kredit yang terbabit.

"Angka itu masih rendah berbanding masalah kewangan dihadapi pengusaha bas, kita tidak pasti kenapa tidak ramai yang memohon, mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Pengusaha Bas Anak Terengganu Tahun 2021 di sini, semalam.

Rosol berkata, kerajaan sedia maklum dengan keluhan dan kesukaran pengusaha bas menghadapi cabaran ekonomi kesan pandemik COVID-19 dan sudah menyediakan beberapa inisiatif dan kemudahan untuk membantu meringankan beban hutang sewaan dan kelangsungan perniagaan mereka.

Kementerian ada menerima keluhan daripada Sekretariat Gabungan Bas Malaysia (SGBM) mengenai pengusaha bas yang dihimpit masalah kewangan akibat penularan COVID-19 dan berusaha menyediakan bantuan perundangan bagi meringankan beban pembiayaan bas dan hutang sewaan akibat terkesan dengan pandemik ini.

"Prihatin dengan beban ditanggung menyebabkan kerajaan mewajarkan Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)

2020 (Akta 829) bagi membantu mereka yang terbabit di bawah Akta Sewa Beli 1967.

"Jadi, KPDNHEP melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) melanjutkan tempoh perundangan berkenaan melalui Perintah Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021 bermula April sehingga Jun depan," katanya.

Katanya, pengusaha bas yang terjejas diminta mengambil peluang tawaran moratorium dan inisiatif dilaksanakan kerajaan bagi mengurangkan beban kewangan ditanggung mereka.

"Institusi perbankan dan syarikat kredit masih terbuka untuk berbincang dengan pengusaha bas yang terbabit untuk menstruktur semula bayaran ansuran pinjaman bas mereka, jadi kita harap ambillah peluang ini," katanya menambah, terdapat dua bank komersial dan 16 syarikat kredit dikenal pasti terbabit dengan pinjaman sewa beli bas.

"Daripada data diperoleh, bank sudah meluluskan permohonan penstrukturkan semula bayaran kepada 10 pengusaha bas, manakala syarikat kredit pula meluluskan 195 permohonan pengusaha bas," katanya.

Kita tidak pasti kenapa tidak ramai memohon, mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka.

**Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna**



Kuala Nerus: Hanya kira-kira 25 peratus daripada lebih 1,000 pengusaha bas membuat permohonan penstrukturkan semula dengan institusi perbankan dan syarikat kredit untuk mengurangkan beban ansuran sewa beli kenderaan sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, 74.77 peratus lagi tidak membuat permohonan penstrukturkan semula bayaran ansuran bulanan bas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutnya pandemik Covid-19 itu.

Menurutnya, pengusaha bas disertai meningkatkan kerjasama untuk menikmati bantuan dan kemudahan

Hanya 25% tauke bas mohon penstrukturkan semula

diusahakan kerajaan dengan merujuk serta berbincang bersama institusi kewangan atau syarikat kredit yang terbabit.

"Angka itu masih rendah berbanding masalah kewangan dihadapi pengusaha bas, kita tidak pasti kenapa tidak ramai memohon, mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Pengusaha Bas Anak Terengganu Tahun 2021 di BO' Cafe Awok Iter, Dataran Austin, Gong Badak di sini, semalam.

Menurut Rosol, kerajaan sedia maklum dengan keluhan dan kesukaran pengusaha bas menghadapi

cabarannya ekonomi kesan daripada pandemik Covid-19.

Katanya, kerajaan sudah menyediakan beberapa inisiatif dan kemudahan untuk membantu meringankan beban hutang sewaan dan kelangsungan perniagaan mereka.

"Kementerian ada merenerima keluhan daripada Sekretariat Gabungan Bas Malaysia (SGBM) mengenai pengusaha bas dihimpit masalah kewangan akibat penuaran pandemik Covid-19 dan berusaha menyediakan ban-

tuan perundangan bagi meringankan bebanan pembiayaan bas dan hutang sewaan akibat terkesan dengan pandemik Covid-19.

"Prihatin dengan beban ditanggung menyebabkan kerajaan mewartakan Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021 bermula April sehingga Jun depan," katanya.

Menurutnya, pengusaha bas yang terjejas diminta supaya mengambil peluang tawaran moratorium dan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi mengurangkan beba-

nan kewangan ditanggung mereka.

"Institusi perbankan dan syarikat kredit masih terbuka berbincang dengan pe-

ngusaha bas terbabit untuk menstruktur semula bayaran ansuran pinjaman bas mereka, jadi kita harap ambil peluang ini," katanya.

Rosol berkata, ada dua bank komersial dan 16 syarikat kredit dikenal pasti terbabit dengan pinjaman sewa beli bas.

"Daripada data diperoleh, bank meluluskan permohonan penstrukturkan semula bayaran kepada 10 pengusaha bas manakala syarikat kredit pula meluluskan 195 permohonan pengusaha bas," katanya.



“Kita tidak pasti kenapa tidak ramai memohon, mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka

Rosol Wahid

Tak ramai pengusaha mohon moratorium

KUALA NERUS - Sebanyak 74.77 peratus daripada lebih 1,000 pengusaha bas di negara ini tidak membuat permohonan penstrukturkan semula bayaran ansuran bulanan bas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikut-an pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat ini hanya 25.23 peratus pengusaha yang memohon kemudahan itu daripada institusi perbankan dan syarikat kredit.

"Angka ini cukup rendah berbanding masalah kewangan dihadapi pengusaha bas. Kita tidak pasti kenapa tidak ramai yang memohon."

"Mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Pengusaha Bas Anak Terengganu Tahun 2021 di sini pada Ahad.

Rosol berkata, kerajaan prihatin terhadap cabaran pengusaha bas yang terbeban dengan hutang sewaan, lalu mewartakan Akta Langkah-

Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 bagi membantu mereka terlibat di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) melalui Jabatan Perdana Menteri telah melanjutkan tempoh perundangan berkenaan bermula April sehingga Jun 2021.

Sehubungan itu, Rosol meminta pengusaha bas yang terjejas mengambil peluang tawaran moratorium dilaksanakan kerajaan itu bagi mengurangkan bebanan kewangan mereka.

"Institusi perbankan dan syarikat kredit masih terbuka untuk berbincang dengan pengusaha bas terlibat untuk menstruktur semula bayaran ansuran pinjaman bas mereka. Jadi kita harap ambillah peluang ini," katanya.

Menurut Rosol, terdapat dua bank komersial dan 16 syarikat kredit dikenal pasti terlibat dengan pinjaman sewa beli bas.

KPDNHEP rampas minyak diesel

Seorang pemandu lori ditahan kerana gagal kemukakan surat kebenaran

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Seorang pemandu lori berputih mata apabila diesel yang dibeli untuk kegunaan lain dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Alor Setar dalam serbuan di sebuah stesen minyak di Kubang Rotan, di sini pada Ahad.

Ketua Penguat kuasa KPDNHEP Kedah, Mohd Shahran Mohd Arshad berkata, sepasukan anggota KPDNHEP Alor

Setar merampas 318 liter diesel dalam 23 tong ketika serbuan kira-kira jam 11 pagi.

Mohd Shahran berkata, sebuah lori didapati sedang mengisi diesel ke dalam tong dan pemandu lori sempat membeli diesel berkenaan dengan nilai RM684.

"Pemandu lori berusia lingkungan 30-an itu ditahan kerana gagal mengemukakan surat kebenaran ber tulis yang dikeluarkan KPDNHEP.

"Siasatan lanjut mendapati bahan bakar itu dibeli untuk kegunaan jentera berat di kawasan projek saliran berdekatan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Katanya, sebagai makluman, minyak yang sepatutnya digunakan oleh jentera bagi projek ini ialah minyak komersil yang dibeli daripada pemborong yang sah.

"Susulan itu, kita merampas semua barang tersebut terma-



Sepasukan anggota KPDNHEP Alor Setar merampas minyak diesel dalam serbuan di sebuah stesen minyak di Kubang Rotan, Alor Setar pada Ahad.

suk sebuah lori tiga tan dengan nilai sitaan dianggarkan RM16,000," katanya.

Beliau berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah dan dibaca bersama di bawah peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

"Di bawah akta ini, tiada sesiapa boleh bermula dengan cara jual borong atau jual runcit apa-apa barang berjadual atau mengilang kecuali di bawah dan mengikut satu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan 4," katanya.

Tambah beliau, KPDNHEP mengambil tindakan ke atas stesen minyak tersebut di bawah Peraturan 21 (1) PPKB 1974

kerana melanggar syarat lesen penjualan.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi syarikat pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Orang ramai yang berhadapan peniaga menjalankan harga barang sesuka hati terutama menjelang Ramadhan ini disaraskan membuat aduan spesifik.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, aduan spesifik itu termasuk lokasi, tarikh barang itu dibeli serta berapa harga barang berkenaan.

Katanya, aduan sebaiknya dilakukan pada hari sama barang didakwa berlaku kenaikan harga.

"Kami mahu ketepatan aduan itu. Sebab kami perlu dapatkan semua rekod berkenaan untuk siasatan dan

Buat aduan spesifik

KPDNHEP minta orang ramai beri maklumat lokasi, tarikh dan harga barang jika berlaku kenaikan menjelang Ramadhan

tindakan segera.

"Mengambil contoh di Kedah, bukan semua tempat berlaku kenaikan harga bawang. Kita pun tak tahu apa jenis bawang yang sesuai pengguna atau pengadu beli. Bawang ada banyak jenis," katanya, semalam.

Beliau mengulas laporan Harian Metro berdasarkan tinjauan wartawan di Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Laporan itu mengenai peniaga makanan sekitar bandar raya itu dilaporkan mula merasai tekanan akibat kenaikan harga bawang yang menjadi asas utama masakan, sejak minggu lalu.

Beberapa peniaga turut



Jika ada maklumat spesifik contohnya di pasaraya XXXXX, jadi memudahkan kerja kita melakukan siasatan dan tindakan"

Azman Adam

menjelaskan perbandingan seperti harga bawang besar naik kepada RM4.50 sekilogram (kg) sebelum ini, tetapi naik kepada RM32.50 untuk berat sama.

Bawang putih siap di-

kupas pada harga tidak sampai RM30 bagi lima kilogram (kg) sebelum ini, tetapi naik kepada RM32.50 untuk berat sama.

Pengusaha restoran, Che

Mat karim, 46, dilaporkan berkata, keadaan itu seolah-olah trend apabila harga bawang meningkat menjelang Ramadhan atau cuti sekolah.

Mengulas lanjut, Azman berkata, kebelakangan ini pihaknya tidak mendapat aduan mengenai kenaikan harga bawang.

"Biasa kami tidak minta pengadu hantar resit pembelian. Cuma beritahu di mana lokasi, tarikh serta berapa harganya.

"Tak boleh beritahu secara umum sahaja contohnya harga bawang di Kuala Terengganu naik, tetapi persoalannya di kedai mana se-

bab kita kena tahu bahawa sesuatu daerah itu luas.

"Jika ada maklumat spesifik contohnya di pasaraya XXXXX, jadi memudahkan kerja kita melakukan siasatan dan tindakan," katanya.

Ditanya persediaan kawalan sempena 1 Ramadhan dijangka pada 13 April depan, katanya, dari segi kutipan harga pihak KPDNHEP sudah melakukannya persiapan.

Menurutnya, pihak KPDNHEP juga bertemu pembejal untuk dapatkan status harga bekalan.

"Kerjasama dengan agensi lain juga dilaksanakan. Kami lakukan hal ini setiap tahun khususnya menjelang Ramadhan, Aidilfitri dan perayaan lain.

"Barang-barang dipantau adalah keperluan harian. Kami bekerjasama dengan semua pihak bukan sahaja daripada agensi kerajaan malah pihak pengimport," katanya.

HARI : ISNIN
TARIKH : 29/3/2021
M/SURAT : 16



Ayam RM5.99
Daging Lembu Tempatan RM34
Daging Lembu Import RM18.90

Telur Gred A RM7.99
Ikan Kembung RM9.99
Minyak Masak RM5.30

Gula Pasir RM2.85
Bawang Besar Holland RM2.89
Bawang Putih RM5.90

Cili Merah RM9.00
Kubis Bulat Tempatan RM3.50
Tepung Gandum RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP